

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [ LABIS ]**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan dengan terperinci senarai Lembaga Pengarah terkini semua Universiti Awam (IPTA) dan senarai nama pelantikan politik (*political appointees*) ke Lembaga Pengarah Universiti masing-masing dari Januari 2020 hingga bulan September 2021.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam proses pelantikan ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Peraturan 14(1), Jadual Pertama, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1970 (Akta 30) memperuntukkan “Pelantikan ahli Lembaga, kecuali Naib Canselor, hendaklah dibuat oleh Menteri bagi tempoh tiga tahun dan apabila habis tempoh itu, ahli Lembaga itu layak dilantik semula”. Seksyen 13(1) Akta 30 pula menetapkan komposisi keahlian LPU hendaklah mewakili kelompok tertentu yang dapat membantu Lembaga melaksanakan fungsi dengan berkesan.

Justeru, selain wakil-wakil Perkhidmatan Awam yang terdiri daripada pegawai kanan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Kewangan yang bertindak sebagai pemegang taruh utama Universiti

Awam, pelantikan Ahli LPU perlu menepati komposisi yang termaktub di bawah Akta 30 iaitu:

**i) Pengerusi LPU**

Calon mempamerkan daya kepimpinan dan keupayaan pengurusan yang cemerlang, mempunyai keperibadian unggul, dihormati oleh masyarakat, mempunyai tahap integriti serta akauntabiliti yang tinggi dan telah memberikan banyak sumbangan kepada negara.

**ii) Wakil Masyarakat Setempat**

Calon dilantik dalam kalangan pemimpin masyarakat setempat atau berasal dari negeri lokasi UA berkenaan. Calon haruslah seorang yang dihormati oleh masyarakat setempat dan berupaya membantu pihak universiti melaksana aktiviti kemasyarakatan serta membawa isu masyarakat untuk diselesaikan oleh pakar-pakar di universiti.

**iii) Wakil Senat**

Seorang profesor Universiti yang dipilih oleh Senat daripada kalangan ahli yang disebut dalam Peraturan 17(d) Jadual Pertama Akta 30. Kaedah pemilihan wakil Senat dalam LPU adalah melalui proses undian dalam kalangan Ahli Senat dan calon yang terpilih akan dipertimbangkan oleh YB Menteri untuk pelantikan.

**iv) Wakil Sektor Swasta**

Calon berpengalaman luas dalam tadbir urus organisasi, mempunyai kelayakan akademik atau pengalaman yang bersesuaian dengan bidang tujahan universiti yang diwakili.

**v) Wakil Alumni**

Calon adalah seorang tokoh yang boleh menjadi contoh ikutan kepada warga universiti khususnya para pelajar dan mampu menggerakkan usaha dalam pengumpulan dana universiti melalui jaringan perhubungan dengan alumni.

**vi) Wakil Berpengetahuan dan Berpengalaman**

Calon dilantik berdasarkan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang tertentu yang bersesuaian dengan bidang tujuan university dan terdiri daripada pegawai universiti berkenaan, bekas pegawai tinggi Kerajaan atau individu lain yang dapat membantu LPU dalam pengurusan universiti.

Bagi tempoh Januari 2020 sehingga September 2021, hanya seramai 96 orang ahli LPU Awam telah dilantik.

KPT juga telah menghasilkan *University Transformation Program (UniTP) Greenbook: Enhancing University Board Governance and Effectiveness* sebagai sebahagian daripada dokumen rujukan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. Buku Hijau ini antara lainnya turut menyentuh perkara-perkara berkenaan saiz dan komposisi LPU, pencalonan Ahli LPU, peningkatan penyertaan wanita dalam LPU, keahlian daripada individu yang mempunyai pendedahan di peringkat antarabangsa dan mempunyai kepakaran dalam bidang pengkhususan tertentu.

Dalam hal ini, KPT mengesahkan bahawa ahli-ahli LPU yang dilantik adalah mematuhi Akta 30 dan turut mengambil kira perkara-perkara yang dinyatakan di dalam Buku Hijau.

Sekian, terima kasih.